



AL-HUDA

# الهدى

NASKAH PERCUMA  
Keluaran 18. Bil.1/2022

## SIFAT SABAR & TABAH DALAM MENGHADAPI MUSIBAH

PELAKSANAAN  
SOLAT KETIKA  
BENCANA

RUANGAN TOKOH  
TUAN GURU HUSSIN KEDAH





Fakhurrazi bin Md Mahdzir  
Penolong Mufti Kanan (Rujukan Maklumat)

fakhrurrazi\_mahdzir@penang.gov.my

## PENA EDITOR

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi Buletin Al-Huda untuk tahun 2022 dapat diteruskan kelangsungan terbitannya. Wabak COVID-19 yang melanda bermula tahun 2019 sehingga sekarang masih terasa kesannya. Malah kita juga dikejutkan dengan beberapa fenomena alam seperti kepala air besar dan banjir yang telah membawa kepada kerosakan harta benda serta kehilangan nyawa. Sesungguhnya semua yang berlaku ini adalah ujian dari Allah SWT agar kita sentiasa beringat.

Harus kita sedari sesungguhnya musibah dan bala yang melanda ini juga merupakan sebahagian tanda menghampiri kiamat. Apakah persediaan kita untuk menghadapi hari tersebut, hari pertimbangan dan penentuan segala amal kita di dunia ini. Justeru, dalam musibah atau bencana yang melanda ini apakah harus kita menunding jari mencari kesalahan orang lain? Elakkan mencari kesalahan itu, adalah lebih baik kiranya kita saling menghulurkan bantuan dan tunjukkan rasa simpati kepada mangsa bencana.

Walaupun diuji, Allah SWT tidak akan membiarkan kita bersendirian dalam menghadapi sesuatu musibah. Bagi hamba-Nya yang bertakwa dan bertaubat, setiap musibah yang melanda akan diberikan jalan keluar. Bantuan dan pertolongan Allah itu datang dalam pelbagai bentuk. Malahan musibah ini juga sebenarnya memberikan kesempatan kepada kita yang tidak ditimpa musibah untuk melakukan kebajikan dengan menghulurkan sumbangan atau bantuan.

Buletin Al-Huda pada terbitan kali ini, memberikan fokus berkaitan dengan alam yang menjadi ujian kepada kita. Segmen irsyad hukum juga memberikan panduan bagaimana untuk kita melakukan ibadah ketika berada dalam situasi bencana. Bicara falak juga membawa kita untuk memahami pergerakan alam sehingga membawa kepada situasi raya tiba-tiba. Selain itu, sepertimana kelaziman aktiviti-aktiviti Jabatan Mufti Pulau Pinang dipaparkan bersama untuk perkongsian bersama pembaca.

Semoga paparan pada kali dapat memberikan manfaat serta menambahkan pengetahuan untuk kita semua. Mohon maaf jika ada kekurangan dalam terbitan kali ini.

## KANDUNGAN AL-HUDA

<b>Pena Editor</b>	<b>02</b>
<b>Minda Mufti</b>	<b>03</b>
<b>Fokus:</b> Sifat Sabar dan Tabah dalam Menghadapi Ujian	<b>04</b>
<b>Irsyad Hukum:</b> Pelaksanaan Solat Mengikut Kesulitan Bencana	<b>05</b>
<b>Falak:</b> Bila Raya Tiba-Tiba	<b>07</b>
<b>Tokoh:</b> Tuan Guru Hussin Kedah	<b>08</b>
<b>Lensa Al-Huda</b>	<b>10</b>
<b>Berita Jabatan</b>	<b>12</b>
<b>Kemusykilan Agama:</b> Hukum Jika Seseorang Membunuh Diri	<b>14</b>
<b>Aktiviti Jabatan</b>	<b>15</b>
<b>Pentadbiran</b>	<b>20</b>

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

### PENASIHAT

Haji Yusoff bin Haji Abu Bakar  
(Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

### KETUA EDITOR

Fakhurrazi bin Md. Mahdzir

### PENOLONG KETUA EDITOR

Fairus Ain binti Abdul Aziz

### SIDANG PENOLONG EDITOR

Dr. Mohammad Zaki bin Hj. Abdul Halim  
Muhammad Haniff bin Baderun

### FOTOGRAFI

Siti Asmah binti Abdul Manap



Alam semesta diciptakan Allah SWT dalam rupa bentuk yang sangat indah serta saling melengkapi. Pepohonan yang menghijau, langit yang biru serta lautan yang terbentang memberikan pandangan yang menyegarkan. Keindahan kejadian alam ini membuktikan akan kekuasaan Allah SWT.

Malangnya ramai manusia langsung tidak menyedarinya, apatah lagi untuk menjadikannya sebagai peringatan. Kita dapat lihat bagaimana aktiviti tidak sihat kepada alam sering dilakukan pihak tidak bertanggungjawab seperti pembalakan haram dan pembuangan sampah ke dalam sungai. Ini akan memberi kesan tidak baik kepada sistem semula jadi, sekali gus menjejaskan persekitaran yang sempurna. Firman Allah SWT dalam surah ar-Ruum yang bermaksud:

*“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak mereka merasakan sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”* (30: 41)

Kita sebagai hamba Allah, hendaklah sentiasa bermuhasabah agar tidak lalai dalam mengingati Allah SWT. Menjadi tanggungjawab kita, memanfaatkan penciptaan yang indah ini bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT. Janganlah kita menjadi makhluk yang tidak bersyukur atas penciptaan ini. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam al-Quran dan hadis nabi SAW agar kita menjadi hamba yang bersyukur.

Dalam pada itu, harus kita diingati bahawa Allah SWT sentiasa menguji hambanya. Ujian dari Allah SWT ini hadir melalui pelbagai bentuk, sama ada perkara yang baik atau sebaliknya. Antaranya melalui kekayaan, kecerdikan atau juga hadir melalui bencana alam seperti banjir, taufan, runtuh tanah dan sebagainya. Allah SWT berfirman dalam surah at-Taghaabun yang bermaksud :

*“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”* (64:11)

Dapat difahami daripada maksud ayat ini, segala musibah yang berlaku mempunyai sebab tersurat dan tersirat untuk difikirkan oleh kita sebagai makhluk. Segala bencana alam yang sering dilihat dan dipaparkan dalam media merupakan ketetapan Allah SWT untuk menguji keimanan hamba-Nya.

Mengetahui hikmah atau rahsia di sebalik musibah yang berlaku akan memberikan kekuatan mental yang baik sekiranya musibah tersebut ditangani dengan rasa keinsafan dan syukur. Sebaliknya jika manusia memahami musibah yang berlaku dengan hanya melihatnya secara zahir sahaja, maka ini akan menyebabkan mentalnya menjadi lemah dan mudah mengeluh atas segala musibah yang menimpa.

Sebagaimana yang dinyatakan awal tadi, segala musibah ini merupakan ujian. Antara hikmah musibah ialah Allah memberi peluang kepada hamba-Nya untuk diampuninya dosa-dosa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Tiadalah seorang Mukmin yang ditimpa musibah tertusuk duri atau lebih (teruk) daripada itu melainkan dengannya (musibah tersebut) Allah akan menghapuskan sebahagian daripada dosa-dosanya.”* (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Harus diketahui bahawa Allah SWT memberikan ujian kepada semua hamba-Nya tanpa ada pengecualian sejak umat terdahulu lagi. Malah para nabi Allah SWT juga ditimpa musibah yang sangat berat. Antaranya Nabi Ayub a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s dan Nabi Muhammad SAW. Kisah-kisah ini mengajar kita cara berhadapan dan menangani musibah yang menimpa dengan baik.

Nabi Ayub a.s umpamanya, diuji dengan kefakiran setelah diberikan kemewahan hidup, Nabi Ibrahim a.s diuji dengan tentangan dari kaumnya dalam usahanya menyeru kaumnya untuk beriman kepada Allah SWT sehingga membawa dirinya di campak ke dalam api. Begitulah ujian-ujian yang menimpa para anbiya yang lain, namun mereka tabah dan tidak berputus asa dalam mengharap bantuan dari Allah SWT.

Setiap musibah dan ujian diturunkan perlu dijadikan iktibar dan jangan sesekali kita mempersoalkan mengapa Allah SWT memperlakukan sedemikian, sedangkan kita mengetahui Dia berhak atas kekuasaannya sendiri. Ia peringatan kepada kita untuk mencapai nilai ketakwaan dan keimanan tinggi. Oleh itu, perbanyakkan berdoa kepada Allah SWT agar ujian seperti banjir, ribut taufan, atau gempa bumi membuka hati kita untuk terus beriman. Jangan sesekali bergantung kepada perkara khurafat atau kepercayaan karut berkaitan bencana alam kerana ia boleh memesongkan akidah. Sesungguhnya tiada yang lebih berkuasa dalam menentukan segala-galanya selain Allah SWT.



Dr. Hj. Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim  
Penolong Mufti Kanan (Falak)

zakahalim@penang.gov.my

## SIFAT SABAR DAN TABAH DALAM MENGHADAPI MUSIBAH

Kehidupan manusia di dunia yang sementara ini tidak dapat lari daripada ketentuan Ilahi, iaitu melalui qada dan qadar yang telah termaktub sejak azali. Ia meliputi segenap aspek kehidupan, sama ada dalam bentuk kesenangan atau kesusahan. Biasanya manusia akan lebih terkesan apabila diuji dengan musibah yang menyebabkan penderitaan dan kesusahan, berbanding diuji dengan kenikmatan dan kesenangan. Hal ini merupakan fitrah kejadian manusia, apabila lebih mudah terleka tatkala diberi kenikmatan dan kesenangan.

Bagi mengimbangi kehidupan orang yang beriman, Allah SWT telah menyediakan pelbagai bentuk ujian yang silih berganti. Matlamatnya adalah untuk menilai siapakah yang lebih baik amalannya, serta berjaya memikul amanah sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Segala bentuk kenikmatan dan kesenangan adalah untuk disyukuri. Manakala segala penderitaan dan kesusahan pula perlu dihadapi dengan kesabaran, yang disertai keimanan dengan penuh yakin terhadap pertolongan Tuhan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah yang bermaksud:

*"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar". (2:155)*

Sesungguhnya sifat sabar dan tabah dalam menghadapi apa jua musibah amat perlu kepada seorang insan yang bergelar hamba Allah. Kerana dengan sifat-sifat tersebut akan membolehkannya menjadi seorang yang reda terhadap qada dan qadar Allah SWT. Bahkan ia boleh mengelakkan diri seseorang daripada bersikap marah, kecewa, putus asa dan resah gelisah dalam menghadapi segala musibah. Ketahuilah sesungguhnya Allah SWT mencintai orang-orang yang sabar dan sentiasa bersama-sama dengan mereka. Sebagaimana firman-Nya dalam surah Ali 'Imran yang bermaksud: *"Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar". (3:146)*

Cuba kita renungi betapa tingginya kesabaran Nabi Ayub a.s ketika menerima ujian daripada Allah SWT, tatkala ditimpa penyakit kulit yang amat memeritkan. Sungguhpun demikian keadaannya, Nabi Ayub a.s tetap sabar menerima segala ketentuan itu, bahkan tetap tekun beribadat kepada Allah SWT. Sedangkan sebelum itu pun Nabi Ayub a.s telah menerima ujian dengan kematian semua anaknya dan kesemua hartanya habis hangus terbakar.

Allah SWT telah mengingatkan sebagaimana firman-Nya dalam surah Ghafir (al-Mu'min) yang bermaksud: "Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu"... (40:60)

Oleh itu jika kita menerima ujian seperti sakit, kehilangan orang tersayang, kemusnahan harta benda atau apa saja ujian dan musibah, maka bersabarlah. Panjatkanlah doa dan bermohonlah kepada Allah SWT kerana kepada Allah SWT sahajalah sebaik-baik tempat memohon pertolongan.

Di samping berdoa, kita juga dituntut untuk berikhtiar dan berusaha untuk menghadapi segala ujian tersebut. Bagi meringankan bebanan yang ditanggung, kita dibolehkan mengadu kepada ahli keluarga dan sahabat handai tetapi bukan dengan perasaan marah dan rasa tidak puas hati atau kecewa seolah-olah tidak reda dengan qada dan qadar Allah SWT.

Perlu juga diingat bahawa apabila menghadapi kesengsaraan atau kesakitan yang amat sangat, janganlah mudah kecewa dan putus asa sehingga berdoa untuk "cepat mati" dengan harapan agar terlepas daripada menanggung seksa dan kesakitan. Rasulullah SAW telah menyatakan yang bermaksud: *"Dari Anas bin Malik r.a, sabda Rasulullah SAW sekali-kali kamu tidak boleh mengharap kedatangan mati kerana sesuatu kesukaran yang menimpa. Dan jika terpaksa mengharap kematian, maka hendaklah dia berkata: Ya Tuhanku, berikanlah aku kehidupan jika ia lebih baik bagiku dan wafatkanlah aku jika ia lebih baik bagiku".*

(Riwayat al-Bukhari)

Sesungguhnya segala bentuk musibah yang ditakdirkan bukanlah bertujuan untuk menyusahkan, namun di sebaliknya mempunyai hikmah yang tersirat. Ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Daripada Abu Hurairah r.a, daripada Nabi SAW bersabda: Tidak satu musibah pun yang menimpa diri seorang Muslim, sama ada yang berupa kesusahan dan penderitaan, kesedihan dan kedukaan ataupun penyakit, bahkan kerana sepotong duri yang mencucuk kakinya (anggotanya), melainkan dihapuskan oleh Allah dengan itu sebahagian daripada kesalahannya".*

(Riwayat al-Bukhari)

Sebagai manusia kita perlu akur bahawa kita sememangnya pelupa dan mudah lupa diri terutama ketika senang dan mewah. Tetapi sebaliknya kita akan mudah ingat kepada Allah SWT, saudara mara, sahabat dan kawan-kawan apabila berada dalam kesusahan, penderitaan dan kesakitan. Oleh yang demikian semasa ditimpa musibah, kita digalakkan supaya bertaubat, membanyakkan berzikir, berdoa dan beristighfar meminta ampun kepada Allah SWT atas apa yang telah berlaku daripada segala kesilapan dan kelalaian yang telah dilakukan. Selain itu kita juga digalakkan untuk mengingati mati, sentiasa berbaik sangka kepada Allah SWT dan sentiasa mengerjakan solat lima waktu walaupun ketika sakit dan ditimpa musibah selagi tiada uzur syarie.

Sebagai hamba Allah yang beriman, kita hendaklah bersabar dan tabah menghadapi ujian yang menimpa kerana semua itu ketentuan Allah SWT melalui ketetapan qada dan qadar sebagai peringatan kepada sekalian hamba-Nya supaya tidak terus lalai dan leka dalam ujian kesenangan dan kemewahan hidup di dunia ini. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah yang bermaksud: *"Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan fi sabilillah. Orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan) dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa". (2:177)*

## PELAKSAAN SOLAT MENGIKUT KESULITAN BENCANA

Kaedah wuduk dan solat mengikut kesulitan bencana.

Bencana Banjir dan Tsunami

### i. Wuduk Ketika Banjir dan Tsunami.

- a) Bersihkan tubuh, pakaian dan tempat solat.
- b) Jika air banjir bercampur dengan najis atau kotoran, jangan masukkan ke dalam hidung atau mulut untuk berkumur.
- c) Basuh pergelangan tangan.
- d) Berwuduk dengan membasuh anggota wajib sahaja iaitu muka, kedua-dua tangan hingga ke siku, kepala dan kedua-dua kaki hingga ke buku lali.

Info: Jika air banjir dan tsunami bercampur dengan sesuatu yang memudaratkan seperti racun, toksik dan sebagainya, tunaikan solat secara hormat waktu tanpa wuduk dan tayamum. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

### ii. Solat Ketika Banjir dan Tsunami.

#### Kaedah 1: Solat berdiri dalam air.

- a) Jika tempat dipenuhi air, tentukan tempat solat dan hadap ke arah kiblat.
- b) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat.
- c) Baca surah Al-Fatihah.
- d) Rukuk serta tamakninah.
- e) Iktidal serta tamakninah.
- f) Sujud berserta tamakninah dengan posisi rukuk tetapi lebih rendah.
- g) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah dalam keadaan berdiri.
- h) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri.
- i) Beri salam dalam keadaan berdiri.

#### Kaedah 2: Solat duduk di dalam air kerana tidak mampu berdiri.

- a) Jika tempat solat dipenuhi air, dapatkan sesuatu untuk duduk seperti kerusi, tunggul kayu, katil dan sebagainya.
- b) Jika tidak diperoleh, solat secara duduk iffirasy, tawaruk atau bersila di dalam air.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah.
- f) Rukuk serta tamakninah dengan menundukkan sedikit badan dan kepala.
- g) Iktidal serta tamakninah dengan menegakkan badan dan kepala.
- h) Sujud serta tamakninah dengan menundukkan badan dan kepala lebih rendah daripada had rukuk.
- i) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah.
- j) Duduk tahiyat awal dan akhir.
- k) Beri salam.

#### Kaedah 3: Solat atas pelampung dan tayar.

- a) Berada dalam posisi terapung, separuh badan di dalam air.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.

- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- j) Rukuk serta tamakninah dengan menundukkan kepala mengikut kadar kemampuan.
- k) Iktidal serta tamakninah dengan menegakkan kepala.
- l) Sujud serta tamakninah dengan menundukkan kepala mengikut kadar kemampuan lebih rendah daripada rukuk.
- e) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah dalam keadaan terapung.
- f) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan terapung.
- g) Beri salam.
- g) Iktidal serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- h) Sujud serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- i) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- j) Duduk tahiyat awal dan akhir mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.
- k) Beri salam.

#### **Kaedah 4: Solat di tempat bernajis.**

- a) Jika tempat solat dipenuhi najis, lapik tempat tersebut dengan sesuatu yang menghalang najis terkena tubuh dan pakaian seperti kotak, kayu, papan, plastik, daun dan sebagainya.
- b) Berdiri jika mampu tetapi jika tidak mampu berdiri, tunaikan dalam keadaan duduk atau jika tidak mampu duduk, tunaikan solat dalam keadaan mengiring, berbaring atau meniarap.
- c) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- d) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat dalam hati.
- e) Baca surah Al-Fatihah.
- f) Rukuk serta tamakninah mengikut kadar kemampuan solat sama ada secara berdiri, duduk, mengiring, berbaring atau meniarap.

#### **Kaedah 5: Solat di atas kawasan berlumpur.**

- a) Pastikan posisi tanah berlumpur yang boleh berdiri dan tidak tenggelam.
- b) Hadap ke arah kiblat jika mampu. Sekiranya tidak mampu kerana terhalang untuk menghadap ke arah kiblat dalam keadaan tersebut, hadaplah ke mana-mana arah. Ulang solat ini dengan sempurna apabila hilang kesulitan.
- c) Lafaz takbiratul ihram berserta niat solat.
- d) Baca surah Al-Fatihah.
- e) Rukuk serta tamakninah.
- f) Iktidal serta tamakninah.
- g) Sujud berserta tamakninah dengan posisi rukuk lebih rendah kerana tanah berlumpur.
- h) Duduk antara dua sujud berserta tamakninah dalam keadaan berdiri kerana tanah berlumpur.
- i) Tahiyat awal dan akhir dalam keadaan berdiri kerana tanah berlumpur.
- j) Beri salam dalam keadaan berdiri kerana tanah berlumpur.



Muhammad Haniff bin Baderun  
Penolong Mufti Kanan (Falak)

[muhammad.hanif@penang.gov.my](mailto:muhammad.hanif@penang.gov.my)

## BILA RAYA TIBA-TIBA

Dua tahun raya tak sempurna  
Faktor pandemik melanda dunia  
Dalam samar terbit cahaya  
Diuji pula 'raya tiba-tiba'

Sekian lama kalendar tak silap  
Apa tersurat dianggap tetap  
Apa tersirat lupa disingkap  
Gegak gempita hakikat diungkap

Bila terbiasa menjadi leka  
Sedang kemungkinan sentiasa ada  
Penyimpan Mohor Besar Raja muncul ada  
tujuannya  
Bukan suka-suka penghias berita

Muzakarah fatwa putuskan bersama  
Rujuk Al-Quran, Sunnah, dan realiti semasa  
Rukyah dan hisab kaedah sempurna  
Tentu permulaan awal bulan kita

Rukyah mencerap, hisab menghitung  
Kalendar disusun berdasar hitung  
Teknologi teruji jadi penyokong  
Berpandu kriteria asas menghitung

3° tinggi dan 6.4° jarak lengkung  
Anak bulan boleh kelihatan walaupun  
mendung  
Cukup syarat bulan baru berkunjung  
Tak cukup syarat bulan sedia ada  
bersambung

Asal kriteria bagaimana ditetapkan  
Perbuatan Nabi melihat anak bulan  
Setiap tanggal 29 hari bulan  
Kadang kelam kadang kelihatan

Rukyah pula melihat anak bulan  
Rutin setiap tanggal 29 hari bulan  
Dengan mata kasar jadi keutamaan  
Teropong dan alat optik sekadar bantuan

Muncul lagi tanda tanya  
Antara negara raya tak sama  
Objek dicerap bulan serupa  
Mengapa hasil berbeza-beza

Objek bergerak hakikat tercipta  
Fahami tabiat di situ kuncinya  
Lain masa, tempat, dan kaedahnya  
Lainlah juga dapatan hasilnya

Rukyah dan hisab saling melengkapkan  
Pengesah hukum yang ditetapkan  
Konflik terjadi bila natijah berlawanan  
Salah satu mesti didahulukan

Dengan muncul dapatan terbaru  
Ijtihad hukum disemak selalu  
Atau mungkin prosedur tertentu  
Setiap perbincangan menjadi ilmu



Muhammad Daniel Hakim bin Abdullah  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

daniyeolz61@gmail.com

# TOKOH

## ALMARHUM TUAN GURU ABU ABDULLAH HUSSIN BIN MUHAMMAD NASIR AL-BANJARI @ TUAN GURU HUSSIN KEDAH

- Nama Penuh  
Abu 'Abdullah Hussin bin Muhammad Nāsir bin Muhammad Taib bin Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syeikh Muhammad Arsyād bin 'Abdullah al-Banjārī
- Tarikh & Tempat Lahir  
2 November 1863 Masihi di Titi Gajah, Kedah
- Nama Isteri  
Jaharah Abdul Wahab  
Wan Khadijah binti Wan Jusoh
- Bilangan Anak  
4 orang cahaya mata.  
Antaranya ialah: Ni'matullah Ahmad dan Siti Maryam
- Tarikh Kematian  
10 Februari 1936 Masihi
- Keturunan  
Generasi ke-6 dari Syeikh Muhammad Arsyād bin 'Abdullah al-Banjārī (pengarang kitab Sabīl al-Muhtadīn)



Tuan Guru Ahmad Bin Tuan Hussein Kedah Al-Banjari (1906-1977)  
Colored by Azmirza El-Banjari



Gambar Kenangan Tuan Guru Haji Ahmad Bin Tuan Hussein Nasir Kedah Al Banjari bersama Tuan Guru Haji Abdullah Bin Ibrahim @ Syeikh Abdullah Fahim

### Pendidikan

#### RENDAH

- Berguru kepada datuknya Haji Muhammad Taib bin Haji Mas'ud
- Sekolah Melayu Chowrasta, Pulau Pinang

#### MENENGAH

- Melanjutkan pelajaran di Patani, di Pondok Bendang Daya
- Melanjutkan pelajaran di Pondok Semela.

#### TINGGI

- Melanjutkan pelajarannya ke Mekah




### Guru-Guru Beliau

1. Syeikh Nawawi Bintan
2. Syeikh Ahmad Lingga
3. Syeikh Omar Sembawa
4. Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatānī
5. Syeikh Ahmad 'Umar Bali

### Pelajar Beliau yang Masyhur

1. Tuan Haji Abd Rahman bin Haji Abdullah (Dato' Murshid Diraja, Kedah)
2. Haji Ismail b. Sulaiman (Tuan Guru Pondok Batu Hampar)
3. Haji Ghazali b. Hj. Arshad (Mudir Sekolah al-Irsyadiyah al- Diniyah, Bagan Datoh, Perak)
4. Syeikh Idris al-Marbawi (Pengarang Kamus al-Marbawi)
5. Syeikh Ismail Hamzah (Bekas Mufti Perak)

**Kerjaya/Sumbangan**



**Penulisan**

- |   |  |
|---|--|
| <p><b><i>Al-Nūr al-Mustafid fī ‘Aqā’id ahl al-Tauḥīd</i></b><br/>Kategori : Tauhid (1887 Masihi)</p>                  | <p><b><i>Malāqit al-Lāmiyah wa al-Shāfiah</i></b><br/>Kategori : Ilmu Sarf (1925 Masihi)</p>                                       |
| <p><b><i>Tamrīn al-Şibyān</i></b><br/>Kategori : Tauhid (1899 Masihi)</p>   | <p><b><i>Tafriḥ al-Şibyān</i></b><br/>Kategori : Sirah Nabi Muhammad SAW (1926 Masihi)</p>   |
| <p><b><i>Hidāyat al-Şibyān</i></b><br/>Kategori : Tauhid dan Ibadah (1911 Masihi)</p>                                 | <p><b><i>Uşūl al-Tauḥīd</i></b><br/>Kategori : Tauhid dan Fiqh (1927 Masihi)</p>   |
| <p><b><i>Hidāyat al-Atfāl</i></b><br/>Kategori : Tauhid (1917 Masihi)</p>   | <p><b><i>Hidāyat al-Nikāḥ</i></b><br/>Kategori : Fiqh Munakahat (1927 Masihi)</p>  |
| <p><b><i>Hidāyat al-Mutafakkirīn</i></b><br/>Kategori : Tauhid (1918 Masihi)</p>                                      | <p><b><i>Tabsirah li Uli al-Albāb</i></b><br/>Kategori : Tauhid (1931 Masihi)</p>  |
| <p><b><i>Kasr al-Iksīr</i></b><br/>Kategori : Panduan Pengenalan Diri (1920 Masihi)</p>                               | <p><b><i>Hidāyat al-Ghilmān</i></b><br/>Kategori : Tauhid (1932 Masihi)</p>  |
| <p><b><i>Tadkir Qabā’il al-Qadhī</i></b><br/>Kategori : Terjemahan Kitab Hadith Jawāhir al-Bukhārī ( 1923 Masihi)</p> | <p><b><i>Majmū’ al-La’ālī</i></b><br/>Kategori : Fiqh (1933 Masihi)</p>  |
| <p><b><i>Qatr al-Ghaythiyyah</i></b><br/>Kategori : Tasawuf (1924 Masihi)</p>   | <p><b><i>Tanbīḥ al-Ikhwān fī Tadbir al-Ma’ṣyah wa Taslīḥ al-Buldān</i></b><br/>Kategori : Sosial dan Pentadbiran (1935 Masihi)</p> |
| <p><b><i>Bidāyat al-Ṭālibīn</i></b><br/>Kategori : Tasawuf (1924 Masihi)</p>  | <p><b><i>Bunga Geti</i></b><br/>Kategori : Qada Solat (1935 Masihi)</p>  |

Sumber Gambar dan Rujukan:

1. Facebook Rasmi: Nahdhatul Ulama' Malaysia (Diakses pada 26 Oktober 2022)
2. Napisah Karimah Ismail & Farid Mat Zain, Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, Sumbangan Tuan Husain Kedah terhadap Perkembangan Islam di Kedah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah (2019), Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 Ke-3, Tuan Hussain Kedah dan Sumbangan Beliau Dalam Pendidikan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



**Siti Asmah binti Abdul Manap**  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

siti.asmah@penang.gov.my

Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
21 Januari 2022  
Pusat Falak Sheikh Tahir



**LENSA**

Bengkel Pengendalian Alat Teodolit/GNSS Siri II  
26 Januari 2022  
Kompleks Darul Hidayah Pulau Pinang



Kursus Pengurusan Fail dan Rekod  
14 - 15 Februari 2022  
Bilik Mesyuarat JMNPP



Bengkel Penyemakan Penerbitan (Fatwa)  
23 Februari 2022  
Kompleks Darul Hidayah Pulau Pinang



Lawatan Kerja Ahli JFNPP  
8 Mac 2022  
Observatori Negara Langkawi



Kunjungan Hormat dan Ziarah Mahabbah  
17 Mac 2022  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



Retreat Sahabat Falak  
3 Mac 2022  
Digital Library, Butterworth



World #QuranHour  
26 April 2022  
Bilik Mesyuarat JMNPP



Majlis Penandatanganan MoA antara USM & JMNPP  
7 April 2022  
Bangunan Canselori, USM



Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang 2022  
18 - 20 Mei 2022  
Adya Hotel, Langkawi



Pameran sempena Majlis Perasmian PIDL  
26 Mei 2022  
KITAB Pulau Pinang



Bengkel Pembacaan Pruf anjuran bersama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)  
30 Mei 2022  
AC Hotel by Marriot Penang



Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Negeri  
11 Jun 2022  
Jabatan Mufti Negeri Sarawak



LENSA

Pengesahan Arah Kiblat Bil.53/2022  
20 Jun 2022  
DHL Penang Logistic Hub



Daurah Kitab Falak Pulau Pinang 2022  
24 Jun 2022  
Pusat Islam Uitm Permatang Pauh



Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji Tahun 2021 JMNPP  
28 Jun 2022  
Pusat Falak Sheikh Tahir



Kunjungan Lawatan Sambil Belajar  
25 Julai 2022  
Bilik Mesyuraat JMNPP



Seminar Isu Kefatwaan Negeri Pulau Pinang 2022  
19 Julai 2022  
Live @ Hotel Ixora, Prai



Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2022  
6 Julai 2022  
Bahang Bay Hotel



Pameran Falak & Cerapan Langit  
30 Ogos 2022  
Sekolah kelompok R13, Kepala Batas



Program Falak On Streets (FOS)  
20 Ogos 2022  
R&r Bagan Ajam



Bengkel ICT (Tips & Tricks: Microsoft Power Point)  
1 September 2022  
Bilik Latihan Millennium, KOMTAR



Bengkel Dalaman Falak (Latihan Perisian Baru GNSS)  
8 September 2022  
Lb Instruments, Perai



Muzakarah Kajian Isu-isu Semasa Kefatwaan Tahun 2022  
14 September 2022  
TH Hotel and Convention Centre Alor Setar



Program Pendidikan Falak Siri 16/2022  
27 Oktober 2022  
Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar Buttetworth

## MUZAKARAH KAJIAN ISU SEMASA KEFATWAAN

**Alor Setar** – Pada tanggal 14 hingga 15 September 2022, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) telah menganjurkan Muzakarah Kajian Isu-isu Semasa Kefatwaan bagi tahun 2022 bertempat di Raia Hotel & Convention Center, Alor Setar, Kedah. Muzakarah ini merupakan sesi pembentangan dan perbincangan penyelidikan bersama Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan Ahli-ahli Muzakarah bagi tujuan semakan dan penambahbaikan hasil kajian fatwa.

Muzakarah ini terbahagi kepada tiga sesi iaitu pembentangan lima hasil kajian, taklimat teknikal iaitu sesi bersama Penerbit USM dalam memahami Teknik Penulisan, perbincangan resolusi & percambahan minda. Sesi pembentangan muzakarah dimulakan dengan Ketua Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan berkenaan Garis Panduan dan Hukum Pemindahan Organ Haiwan kepada Manusia.

Isu-isu yang menjadi bahan perbincangan adalah [Kepatuhan Amalan Perbomohan Terhadap Garis Panduan Hukum Syarak: Kajian Berdasarkan Penilaian Pesakit di Pulau Pinang](#), [Kedudukan dan Garis Panduan Jual beli Secara Lelongan Berdasarkan Fiqh Muamalat](#), [Panduan Solat Berdasarkan Keperluan Golongan Saudara Baru dan Golongan yang Tidak Boleh Membaca al-Quran](#) serta [Analisis Hukum Syarak Bagi Urusan Tanah Lot Lidi di Pulau Pinang](#). Antara pembentang-pembentang yang hadir adalah Dr. Halipah binti Hamzah dari UiTM Pulau Pinang, Prof Madya Dr. Atikullah bin Hj. Abdullah dari USM, Dr. Nazrul bin Hassan dari USM dan Dr. Mohd Marbawi bin Taha dari UiTM Pulau Pinang. Program ini diakhiri dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderahati kepada para pembentang.



## LIQA MAHABBAH

**Sarawak** - Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) telah menyertai Liqa' Mahabbah Jabatan Mufti Se-Malaysia pada 15-17 Ogos 2022 bertempat di Universiti Malaysia Sarawak. Liqa' Mahabbah ini merupakan kejohanan sukan antara Jabatan Mufti seluruh Malaysia yang telah dimulakan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak pada tahun 2019. Penglibatan 14 buah negeri pada kejohanan kali kedua ini berentap dalam 11 acara yang dipertandingkan antaranya sukan Tenpin Bowling, Badminton, Futsal, Bola Jaring, Pingpong, Olahraga 4 x 100 meter dan lain-lain lagi. JMNPP telah memenangi pingat gangsa dalam acara Olahraga 4 x 100 meter bagi kategori lelaki.

Wadah jalinan ukhuwah dan kerjasama erat dalam kalangan warga Jabatan Mufti Se-Malaysia di samping membudayakan dan mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan merupakan objektif penganjuran Liqa' Mahabbah ini. Di samping pertemuan ini juga, ianya menjadi medan perkongsian maklumat dan bertukar pandangan dalam pembangunan dan kemajuan Jabatan Mufti Se-Malaysia.

## SEMINAR ISU KEFATWAAN NEGERI PULAU PINANG

Perai, 19 Julai 2022 - Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) dengan kolaborasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Seminar Isu Kefatwaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 yang bertempat di Grand Ballroom, Hotel Ixora. Seminar sehari yang bertujuan memberikan penjelasan berkenaan pandangan hukum terkini telah disempurnakan perasmian oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, melalui kolaborasi ini juga, ia memberi ruang untuk membawa isu-isu yang telah dibuat kajian di peringkat negeri Pulau Pinang kepada JAKIM untuk diwartakan di peringkat nasional kerana terdapat banyak isu yang bukan sahaja melibatkan negeri sahaja, bahkan memberi kesan di peringkat nasional. Seminar ini telah mendapat penyertaan sekurang-kurangnya seramai 200 orang peserta dari seluruh pelosok Pulau Pinang. Terdapat juga peserta yang hadir secara atas talian di laman rasmi Facebook Jabatan Mufti

Sesi pembentangan seminar dimulakan dengan Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM, Ustazah Nor Safira binti Zainal berkenaan Peranan JAKIM dalam isu-isu kefatwaan. Seterusnya Seminar ini terbahagi kepada tiga sesi yang berbincang mengenai isu-isu yang berbeza dan dibentangkan oleh pembentang-pembentang yang berpengalaman dan berpengaruh.

Isu-isu yang menjadi bahan perbincangan adalah *Hukum Penggunaan Pelaris dan Pendinding Dalam Kalangan Peniaga di Pulau Pinang*, *Hukum Nikah Tanpa Persetujuan Wali di Luar Negara dan Status Kisah dan Petua Keagamaan Yang Tular Dalam Masyarakat Islam di Pulau Pinang* dan *Hukum Penyebarannya Berdasarkan Kitab Nuzhat al-Majalis*. Antara pembentang-pembentang yang hadir adalah Prof Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad dari USM, Dr. Mohd Hapiz bin Mahaiyadin dari UiTM, Dr. Roshimah binti Shamsudin dari USM dan lain-lain. Program ini diakhiri dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderahati kepada para pembentang.

## BENGGKEL PEMBACAAN PRUF

Bukit Gambir – Pada tanggal 30 Mei 2022, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah berkolaborasi dalam menganjurkan bengkel pembacaan pruf bagi tahun 2022 bertempat di AC Hotel by Marriott Penang. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan tentang proses membaca dan menyemak bagi sesebuah dokumen separa lengkap sebelum proses percetakan dilakukan. Bengkel ini telah mendapat penyertaan 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JMNPP dan JHEAIPP.

Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan dari DBP iaitu Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Sulung yang dibantu oleh dua orang fasilitator dari DBP. Program berakhir dengan penyampaian sijil kepada peserta dan cenderahati kepada penceramah serta sesi bergambar.

## PENERBITAN JMNPP TAHUN 2022





Siti Nadiah binti Mohamad Shukri  
Pembantu Hal Ehwal Islam

nadiyahshukri86@penang.gov.my



### SOALAN:

Apakah hukum jika seseorang membunuh diri atas sebab-sebab seperti kemurungan, skizofrenia, keinginan filosofikal untuk mati, melalui perjalanan hidup gelap dan tiada didikan yang sempurna serta sebagainya?

### JAWAPAN:

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan teragung Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarga serta mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW hingga ke hari kiamat.

Secara dasarnya hukum bunuh diri adalah **haram** secara sepakat dan terdapat beberapa pandangan berbeza terhadap hukum mendirikan solat jenazah pembunuh diri dan ada juga pendapat yang terpencil bahawa taubat dosa membunuh diri ini tidak diterima. (Rujuk **Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah**, jld. 6, hlm. 283)

Daripada Jundub r.a, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Pada umat sebelum kalian, terdapat seseorang yang tercedera, dia tidak dapat menahan kesakitan lalu dia mengambil pisaunya lalu memotong tangannya. Darah berterusan mengalir sehinggalah dia mati. Allah berkata: Hamba ku telah menyegerakan untuk mati, aku telah **mengharamkan ke atasnya syurga**." (Riwayat al-Bukhari, hadis no.3463)

Sebahagian ulama berpendapat zahir hadis ini menunjukkan bahawa orang yang membunuh diri dengan sengaja adalah jatuh kafir kerana kekal di dalam neraka adalah hukuman ke atas orang kafir sahaja. (Lihat **Mafatihul Ghaib**, jld. 19, hlm. 151)

Manakala jumbuh ulama tidak berpendapat sedemikian dan mereka masih berpendapat bahawa golongan ini masih Islam tetapi telah melakukan dosa besar dan nasib mereka diserahkan kepada Allah berdasarkan apa yang difahami daripada sabda Nabi SAW sewaktu Bai'atul Aqabah iaitu sesiapa yang melakukan dosa maka nasibnya kembali kepada Allah, jika Allah mahu mengazabnya maka diazab, jika tidak, maka diampunkan. (Rujuk hadis riwayat Al-Bukhari, hadis no 678)

Didikan yang diterima seseorang dan sejarah silamnya yang gelap bukanlah tiket untuk melakukan perkara yang dilarang Allah apatah lagi bunuh diri kerana ilmu itu wajib dituntut seperti sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap Muslim." (Riwayat Ibnu Majah, hadis no. 224). Bahkan meminta mati kerana musibah dunia yang dihadapinya juga adalah ditegah di dalam Islam berdasarkan sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Janganlah mengharap kematian kerana tertimpa musibah duniawi, jika terpaksa, maka hendaklah ia mengucapkan: 'Ya Allah panjangkan hidupku, jika kehidupan itu lebih baik bagiku, dan wafatkanlah aku jika kematian itu lebih baik bagiku.'" (Riwayat al-Bukhari, hadis no. 5671, dan al-Nasa'i, hadis no. 1820)

Adapun bagi seseorang yang melakukan sesuatu perbuatan tanpa sengaja dalam keadaannya hilang akal sehingga dia terbunuh maka perbuatannya itu tidak dipertanggungjawab ke atasnya sebagaimana yang ternyata di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Thalib r.a, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Telah diangkat pena dari tiga golongan: daripada orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada bayi sehingga dia baligh dan daripada orang gila sehingga dia sedar." (Riwayat Abu Daud, hadis no. 4403)

Dan bagi golongan yang melakukan kesilapan seperti merokok, merempit dan membawa kereta dengan laju sehingga terbunuh, maka perbuatan seperti itu ditegah di dalam Islam berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan." (Surah al-Baqarah: 195).

Jika pelaku tidak berniat untuk membunuh diri tetapi ia berlaku kerana kesilapan semata-mata, ada pendapat ulama yang mengklasifikasi perkara itu sebagai terbunuh tanpa sengaja. (Rujuk **Al-Iqna'**, jld. 2, hlm. 495; **Al-Mughni**, jld. 10, hlm. 35). Walaupun tidak mendapat dosa tetapi tetap perlu membayar diat daripada harta si pelaku. Dan ini merupakan pandangan sebahagian ulama. Pendapat yang lain tidak mewajibkan bayaran diat. (Rujuk **As-Syarh Al-Kabir**, jld.9, hlm. 669)

Sebagai manusia kita tidak boleh menghakimi iman seseorang secara pasti. Jika ada yang menghakimi si pelaku tersebut sebagai kafir atau selainnya maka ia tidak harus diterima secara bulat-bulat terutama jika tiada pengakuan daripada si pelaku sebelum terbunuh. Ini berkesinambungan dengan hadis Usamah r.a, sabda Nabi yang bermaksud: "Apakah kamu telah membelah hatinya (untuk mengetahui samada dia benar-benar beriman ataupun tidak)?" (Riwayat Muslim, hadis no. 96). Lebih utama kita menganggap mereka masih Islam dan jika benar sekalipun mereka membunuh diri dengan sengaja maka semestinya tindakan mereka itu adalah dosa besar.

Kesimpulannya, **tiada sebarang dalil daripada syarak yang membenarkan bunuh diri dengan apa sebab sekalipun**. Jika seseorang itu masih waras dan membunuh diri kerana sebab kemurungan, depresi maka itu sudah terbukti pelaku itu berdosa besar. Dan jika pelaku tersebut disabitkan bahawa dia hilang akal mahupun gila, maka tindakan si pelaku yang membunuh diri itu tidak dikira sebagai dosa besar. Penyakit skizofrenia atau yang lain, jika disabitkan bahawa ianya menyebabkan hilang akal maka pesakit yang menghidap penyakit tersebut telah terkeluar dari taklif. **Tetapi haruslah diingatkan bahawa golongan seperti ini tidak boleh dibiarkan tanpa pengawasan dan seharusnya dirawat bertepatan dengan tuntutan maqasid syariah 'حفظ النفس' iaitu menjaga nyawa.**

29-30 Okt. 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.6/2022 Hotel Sentral, Penang	24 Sept. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 9/2022: Pameran Falak & Cerapan Langit Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (KMPP)
26-28 Okt. 2022	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.5/2022 & Mesyuarat Khas Bahang Bay Hotel, Balik Pulau	23 Sept. 2022	Mesyuarat J/K Kecil Pemilihan Tokoh & Anugerah Maulidur Rasul Bil. 2/2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1444H/2022 Kompleks Darul Hidayah
25 Okt. 2022	Bengkel ICT Siri 3/2022; Tips & Tricks Google Meet Tingkat 24, KOMTAR	22 Sept. 2022	Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 4/2022: Isu-Isu Semasa Aqidah di Pulau Pinang Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
19-22 Okt. 2022	Bengkel MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)- Risk Management Heritage Hotel, Cameron Highland, Pahang	20 Sept. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 8/2022: Taklimat Falak & Bengkel Raket Air Sekolah Menengah Sains Kepala Batas
17-18 Okt. 2022	Bengkel Pelan Strategik Jabatan Hote Vouk, Penang	14-15 Sept. 2022	Muzakarah Kajian Isu-Isu Semasa Kefatwaan Siri 1/2022 Hotel Raia, Alor Setar, Kedah
14 Okt. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 15/2022: Bengkel Peta Bintang & Cerapan Langit Malam Sekolah Menengah Arab Tahfiz Ibn Al-Qayyim (SMARTIQ)	12-14 Sept. 2022	Bengkel MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)- Introduction & Documentation Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan
13 Okt. 2022	Bengkel Semakan Penerbitan (Falak) Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas	08 Sept. 2022	Mesyuarat J/K Kecil Pemilihan Tokoh & Anugerah Maulidur Rasul Bil. 1/2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1444H/2022 Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
12 Okt. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 14/2022: Bengkel Jam Matahari & Raket Air Sekolah Kebangsaan Kampung Selamat, Tasek Gelugor	08 Sept. 2022	Bengkel Dalaman Falak Bil.7.2022; Latihan Perisian Baru GNSS LB Instruments
09 Okt. 2022	Cerapan dan Astrofotografi Bulan Purnama Rabiulawal 1444H Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas	01 Sept. 2022	Bengkel ICT Siri 2/2022; Tips & Tricks Microsoft Power Point Bahagian Teknologi Maklumat, Aras 24, KOMTAR
08 Okt. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 13/2022: Taklimat Falak & Cerapan Langit Surau Kampung Paya, Teluk Kumbar	30 Ogos 2022	Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 3/2022: Penyemakan Draf Soal Jawab Isu-Isu Zakat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
06 Okt. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 12/2022: Bengkel Pengendalian Teleskop Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Jaya, Model Khas	30 Ogos 2022	Program Pendidikan Falak Siri 7/2022: Pameran Falak & Cerapan Langit Sekolah Kebangsaan Ara Rendang, Pokok Sena
05 Okt. 2022	Cerapan Lintasan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) Dataran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)	26 Ogos 2022	Falak On Streets; Bulan Falak Malaysia 1444 Hijrah Masjid Al-Malik Khalid, Universiti Sains Malaysia
28 Sept. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 11/2022: Bengkel Kiblat & Raket Air Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Ahmad Badawi	19 Ogos 2022	Falak On Streets; Bulan Falak Malaysia 1444 Hijrah R & R Bagan Ajam
27 Sept. 2022	Program Pendidikan Falak Siri 10/2022: Bengkel Arah Kiblat Sekolah Menengah Kebangsaan Air Itam, Pulau Pinang		

15-17 Ogos 2022	<b>Liqa' Mahabbah Jabatan-Jabatan Mufti SeMalaysia Tahun 2022</b> Universiti Malaysia Sarawak	15-16 Jun 2022	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.3/2022</b> Hotel Bahang Bay, Teluk Bahang
08 Ogos 2022	<b>Bengkel Semakan Penerbitan (Falak)</b> Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas	11 Jun 2022	<b>Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Siri 6/2022</b> Jabatan Mufti Sarawak
05-07 Ogos 2022	<b>Pameran Perkampungan Khaira Ummah 2020 (Kampungku 2030)</b> Masjid Ibadur Rahman, Kepala Batas	10 Jun 2022	<b>Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Siri 5/2022</b> Tapak Pusat Astronomi Borneo; Damai Beach, Santubong
04 Ogos 2022	<b>Program Pendidikan Falak Siri 6/2022: Taklimat Falak &amp; Bengkel Arah Kiblat</b> Sekolah Menengah Agama Sungai Petani, Bedong, Kedah	09 Jun 2022	<b>Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Siri 4/2022</b> Pusat Falak Miri
03-04 Ogos 2022	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.4/2022</b> Hotel Ixora, Perai	07 Jun 2022	<b>Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 2/2022: Penyemakan dan Pemurnian Manuskrip Bahan Ilmiah Terbitan Jabatan</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
29 Jul. 2022	<b>Mesyuarat JKPAK/JKPA</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	03 Jun 2022	<b>Irsyad Fatwa</b> Masjid Sungai Bakap Lama
25 Jul. 2022	<b>Lawatan Sambil Belajar dari SMK Guar Perahu; Proses Pewartaan</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	03 Jun 2022	<b>Bengkel ICT Siri 1/2022</b> Tingkat 24, KOMTAR
19 Jul. 2022	<b>Seminar Isu Kefatwaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2022</b> Hotel Ixora, Perai	02 Jun 2022	<b>Program Pendidikan Falak Siri 5/2022: Bengkel Arah Kiblat, Kuiz Falak &amp; Bengkel Raket Air</b> Sekolah Kebangsaan Guar Perahu
18 Jul. 2022	<b>Bengkel Penyelarasan Isu Nasional dan Negeri Pulau Pinang</b> Hotel Ixora, Perai	30 Mei 2022	<b>Bengkel Pembacaan Pruf</b> AC Hotel by Marriot Penang
06 Jul. 2022	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang Bil.2/2022</b> Bahang Bay Hotel, Penang	26 Mei 2022	<b>Pameran sempena Majlis Perasmian Penang Islamic Digital Library (PIDL) &amp; Sambutan Jubli Perak Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)</b> Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)
29 Jun 2022	<b>Mesyuarat Penyelarasan Tindakan Program Seminar Isu Kefatwaan</b> Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Perda	23-24 Mei 2022	<b>Kursus Falak Syarie</b> Kundasang Sabah
28 Jun 2022	<b>Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji Tahun 2021</b> Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau	18-20 Mei 2022	<b>Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang</b> Hotel Adya, Langkawi, Kedah
23-24 Jun 2022	<b>Daurah Kitab Falak (Al-Tarjamah al-Wādhah lil Durūs al-Falakiah) Pulau Pinang 2022</b> Pusat Islam, UiTM Permatang Pauh	28 Apr. 2022	<b>Mesyuarat Bajet 2023 Jabatan</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
22 Jun 2022	<b>Bengkel Semakan Penerbitan (Fatwa)</b> Masjid Daerah Seberang Perai Tengah	25 Apr. 2022	<b>Mesyuarat JKPAK/JPKA</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
21 Jun 2022	<b>Bengkel Penyelarasan Isu Mendirikan Solat Jumaat (Sementara) di Surau-surau dalam Negeri Pulau Pinang</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang		

16 Apr. 2022	<b>Kajian Bulan Penuh Tahun 2022 Bil.4/2022</b> Kompleks Darul Hidayah, Pulau Pinang	10 Mac 2022	<b>Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 1/2022: Hal Ehwal Pembangunan Masjid dan Surau Baharu</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
15 Apr. 2022	<b>Program Training Of Trainers (TOT) Kefatwaan Siri 1 Tahun 2022</b> The Light Hotel, Seberang Jaya	09 Mac 2022	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang Bil.1/2022</b> Langkawi Seaview Hotel
13 Apr. 2022	<b>Taklimat Pengisian Modul Deskripsi Tugas dalam Aplikasi HRMIS</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	08 Mac 2022	<b>Lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang</b> Observatori Negara Langkawi MYSA
31 Mac 2022	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2022</b> Hotel Bayview, Penang	03 Mac 2022	<b>Retreat Sahabat Falak</b> Butterworth Digital Library
28 Mac 2022	<b>Daurah Kitab (Matla' al-Badrain) Siri 1/2022</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	24 Feb. 2022	<b>Bengkel Semakan Kajian Kefatwaan Tahun 2022</b> Hotel The Light, Seberang Jaya
24 Mac 2022	<b>Bengkel Isu Zakat Bersama Zakat Pulau Pinang (ZPP)</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	23 Feb. 2022	<b>Bengkel Penyemakan Penerbitan (Fatwa)</b> Kompleks Darul Hidayah
23 Mac 2022	<b>Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Siri 3/2022</b> Planetarium Negara	22 Feb. 2022	<b>Sesi Fotografi Kakitangan Jabatan</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
22 Mac 2022	<b>Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Siri 2/2022</b> Balai Cerap Teluk Kemang, Port Dickson	16-17 Feb. 2022	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.1/2022</b> Hotel Vouk Suites, Penang
22 Mac 2022	<b>Lawatan Penanda Aras Rancangan Pembangunan Kompleks Falak Siri 1/2022</b> Kompleks Falak al-Khawarizmi	14-15 Feb. 2022	<b>Bengkel Pengurusan Fail &amp; Pelupusan Aset Kerajaan Jabatan</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
19 Mac 2022	<b>Pameran sempena Jelajah Khaira Ummah 2030</b> Masjid al-Mustaghfirin, Sungai Tiram	09 Feb. 2022	<b>Mesyuarat JKPAK/JPKA</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
18 Mac 2022	<b>Pameran sempena Jelajah Khaira Ummah 2030</b> Masjid al-Ihsaniah, Simpang Ampat	26 Jan. 2022	<b>Bengkel Peralatan Falak</b> Kompleks Darul Hidayah
17 Mac 2022	<b>Kunjungan Hormat &amp; Ziarah Mahabbah Jabatan Mufti Negeri Selangor</b> Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	21 Jan. 2022	<b>Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan</b> Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh
12 Mac 2022	<b>Pameran sempena Jelajah Khaira Ummah 2030</b> Masjid al-Bukhary, Lebu Sungai Pinang	20 Jan. 2022	<b>Bengkel Peralatan Falak</b> Kompleks Darul Hidayah
11 Mac 2022	<b>Pameran sempena Jelajah Khaira Ummah 2030</b> Masjid Jamiul Badawi, Kepala Batas	17 Jan. 2022	<b>Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang</b> Jabatan Mufti Negeri
10 Mac 2022	<b>Lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang</b> Planetarium Sky Dome (PLSB)	12 Jan. 2022	<b>Bengkel Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan 2022 (Fatwa)</b> Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas



**Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof**  
Pegawai Sains

zulhelmi@penang.gov.my

## AKTIVITI JABATAN

### CERAPAN HILAL DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Tarikh	Perkara
26 Oktober 2022	Cerapan Hilal Rabiulakhir 1444H
26-27 September 2022	Cerapan Hilal Rabiulawal 1444H
27-28 Ogos 2022	Cerapan Hilal Safar 1444H
29 Jun 2022	Cerapan Hilal Zulhijjah 1443H
31 Mei 2022	Cerapan Hilal Zulkaedah 1443H
1 Mei 2022	Cerapan Rasmi Hilal Syawal 1443H
2 April 2022	Cerapan Rasmi Hilal Ramadan 1443H
3 Mac 2022	Cerapan Hilal Syaaban 1443H
1-2 Februari 2022	Cerapan Hilal Rejab 1443H
3 Januari 2022	Cerapan Hilal Jamadilakhir 1443H

### LAWATAN KE PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Tarikh	Agensi-agensi
28 September 2022	Kakitangan Institut Latihan Islam Malaysia
7 September 2022	Aliana Home Tuition
10 Ogos 2022	Persatuan Astronomi Brunei Darussalam
27 Mei 2022	Kelab Bahasa Arab, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis
18 Mac 2022	Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang
17 Mac 2022	Jabatan Sains & Matematik, Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman
16 Mac 2022	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang



**Saufi bin Redzuan**  
Pembantu Hal Ehwal Islam

saufiredzuan@penang.gov.my

## PENENTUAN/PENGESAHAN ARAH KIBLAT

26.10.2022	Vat Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd.	22.9.2022	Petronas Bandar Sunway, Jalan Jelawat, Seberang Jaya
25.10.2022	Petronas Kampung Kijang Alma	22.9.2022	Petronas Jalan Perusahaan, Auto City, Perai
25.10.2022	Petronas Simpang Ampat 2	21.9.2022	Petronas Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat
20.10.2022	Masjid Bukit Bendera	21.9.2022	Petronas Sri Jawi, Sungai Bakap
19.10.2022	Bahagian Penguatkuasaan JHEAIPP, Jalan Loader	15.9.2022	Petronas Balik Pulau 1, Jalan Sungai Pinang
18.10.2022	Taman Herba Bertam	14.9.2022	Petronas Bagan Lalang, Butterworth
18.10.2022	BHpetrol Sungai Puyu	13.9.2022	Pertronas Tok Kangar Juru, Simpang Ampat
13.10.2022	Seoul Electronics & Telecommunications (M) Sdn.Bhd. Taman Perindustrian Bukit Minyak, Simpang Ampat	9.9.2022	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (Bahagian Kesihatan Awam), Tingkat 37, KOMTAR
12.10.2022	Surau Taman Jernih, Bukit Mertajam	8.9.2022	Petronas Jalan Masjid Negeri
12.10.2022	Petronas Taman Pauh	7.9.2022	Sunway Medical Centre Penang, Seberang Jaya
5.10.2022	Puncak Terubong, Jalan Bukit Kukus	6.9.2022	Tempat Solat Sementara Sekolah Agama Rakyat Sungai Lokan (Al-Irsyad Nurul Hidayah), Butterworth
5.10.2022	Pine Residence, Jalan Bukit Kukus	30.8.2022	Petronas Kepala Batas (Permatang Manggis)
4.10.2022	Dewan Besar UITM Cawangan Pulau Pinang, Permatang Pauh	30.8.2022	Petronas Tasek Gelugor
4.10.2022	Dewan Besar UITM Cawangan Pulau Pinang, Permatang Pauh	29.8.2022	Island Hospital Sdn. Bhd., Jalan Macalister
3.10.2022	Bertam Perdana 2, Fasa 3 (1), Kepala Batas	25.8.2022	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Bukit Tengah, Bukit Mertajam
3.10.2022	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Pulau Pinang, Tingkat 42, KOMTAR	25.8.2022	Petronas Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam
29.9.2022	Tanah Perkuburan Islam, Sungai Setar, Seberang Perai Selatan	22.8.2022	Masjid Tuan Samad, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas

- 10.8.2022** Surau Kampung Setoi Dalam, Permatang Sungai Dua, Kepala Batas
- 9.8.2022** SMKA Seberang Perai Tengah, Jalan Berapit, Bukit Mertajam
- 8.8.2022** Surau Tingkat 12, KOMTAR
- 27.7.2022** Rapid Manufacturing Connectivity Sdn. Bhd. Kawasan Perindustrian Bukit Minyak Bukit Mertajam
- 21.7.2022** Food Dynasty, Jalan Argyll, Georgetown
- 20.7.2022** Balai Bomba Dan Penyelamat Bukit Mertajam, Jalan Che Bee, Bukit Mertajam
- 20.7.2022** Infinic Plastic Technology Sdn. Bhd. Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, Bukit Mertajam
- 14.7.2022** Petronas Jalan Bukit Gambir
- 14.7.2022** Petronas Bayan Baru
- 8.7.2022** Hospital Balik Pulau
- 28.6.2022** Surau Teluk Kumbar Height (Lot 20288, Mukim 11, Jalan Bukit Belah, Teluk Kumbar)
- 21.6.2022** Taman Pinggiran Alma, Bukit Mertajam (Lot 31081, 31528, Jalan Seladang, Mukim 15, Seberang Perai Tengah)
- 21.6.2022** Tri Park, Alma (Lot 30655, Mukim 15, Jalan Seladang, Seberang Perai Tengah)
- 21.6.2022** Berjaya Penang Hotel, Jalan Burmah, Georgetown
- 20.6.2022** Topaz Engineering Sdn. Bhd. Bayan Lepas
- 20.6.2022** DHL Malaysia Supply Chain (M), Sdn. Bhd., Bayan Lepas
- 16.6.2022** Petronas Permatang Batu, Bukit Mertajam
- 2.6.2022** SK Guar Perahu, Kubang Semang Bukit Mertajam
- 25.5.2022** Pejabat YADIM Pulau Pinang, Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas
- 25.5.2022** Surau Tuan Guru Haji Abdul Majid, Permatang Janggus, Penaga
- 24.5.2022** Parkroyal Penang Resort, Batu Feringgi Beach
- 19.5.2022** Surau As-Syakirin Lengkuk Mahsuri, Bayan Lepas
- 19.5.2022** SK Pokok Tampang, Tasek Gelugor
- 19.5.2022** Surau Haji Yahaya Sungai Sintok, Permatang Pauh
- 18.5.2022** Rumah Murah Penanti, Bukit Mertajam
- 18.5.2022** Kondominium Alpine Tingkat Bukit Jambul 1, Bayan Lepas
- 18.5.2022** Depo Pembersihan MBSP Padang Lalang, Bukit Mertajam
- 18.5.2022** Kondominium Bayswater, Lebu Tungku Kudin, Gelugor
- 13.5.2022** Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang, Tingkat 22, KOMTAR
- 12.5.2022** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 23 KOMTAR
- 11.5.2022** SMK Tun Syed Sheh Barakbah, Sungai Jawi
- 11.5.2022** Vertu Resort, Persiaran Cassia Barat 6, Bandar Cassia
- 10.5.2022** Kondominium Platino, Persiaran Tunku Kudin, Gelugor
- 10.5.2022** Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, NB Tower, Jalan Bagan Luar (Pejabat Butterworth)
- 10.5.2022** The Spring Jelutong
- 21.4.2022** Surau Ar-Raudhah Taman Sejahtera Indah, Telok Air Tawar
- 14.4.2022** Plexus Penang Seaside, Bayan Lepas
- 13.4.2022** Sekolah Kebangsaan Seri Bayu Teluk Kumbar
- 12.4.2022** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Technocenter), Bayan Lepas
- 12.4.2022** Kelab Rekreasi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Jalan Perak
- 7.4.2022** Madrasah Al-Aminiah Cawangan Bertam (Tahfiz Vokasional)
- 5.4.2022** Dewan Orang Ramai Permatang Pasir, Kampung Pelet, Kubang Semang
- 31.3.2022** Surau Taman Aston Barat Fasa II, Lot 10027 & 10029 (Sebahagian Lot Lama: Lot 19), Seksyen 2, Bukit Mertajam
- 30.3.2022** Masjid As-Syakirin Permatang Sintok, Penaga
- 24.3.2022** Masjid Jamek Shaik Eusoff, Jalan Air Itam
- 16.3.2022** Surau Fasa 1, Taman Tasek Gelugor Utama, Tasek Gelugor
- 15.2.2022** Micron Memory Malaysia, Bukit Mertajam
- 15.2.2022** Surau Bukit Jelutong Permatang Pauh
- 15.2.2022** KPJ Specialist Hospital Bandar Perda
- 15.2.2022** Kondominium Setia Sky Ville, Lorong Slim, Jelutong
- 11.2.2022** Kompleks Penjaja Taman Harapan, Jalan S.P Chelliah, Georgetown
- 9.2.2022** DHL Supply Chain (M) Sdn. Bhd. Bayan Lepas
- 8.2.2022** The Clovers, Bayan Lepas
- 7.2.2022** Surau Kampung Bukit, Bayan Lepas
- 13.1.2022** Hotel Zamburger Sungai Bakap
- 13.1.2022** Taman Jasa Intan Mukim 15, Alma
- 13.1.2022** Pangsapuri Rimbun, Lorong Pulau Betong, Balik Pulau
- 13.1.2022** Madrasah Bidayatul Hidayah, Jalan Sungai Rusa, Balik Pulau
- 11.1.2022** Taman Sepadu Jaya, Kubang Menerong
- 11.1.2022** Kolej Komuniti Seberang Jaya, Permatang Pauh
- 6.1.2022** Sekolah Kebangsaan Francis Light, Jalan Perak
- 6.1.2022** Madrasah Tahfiz Darus Sa'adah, Solok Rajawali, Bayan Lepas
- 6.1.2022** Kediaman Rasmi Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jalan York
- 4.1.2022** Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd. Batu Kawan
- 4.1.2022** Lam Manufacturing Malaysia (LMM) Batu Kawan



**Salmi Aida binti Samsimir**  
Pembantu Tadbir Kanan

salmi\_aida@penang.gov.my

**JASAMU DIKENANG & SELAMAT BERSARA**

Warga Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) mengucapkan selamat bersara kepada dua (2) orang pegawai yang telah bersara pilihan di Jabatan ini. Terima kasih atas khidmat bakti yang diberikan sepanjang perkhidmatan di JMNPP. Didoakan semoga mereka sentiasa diberi kesihatan yang baik dan berpanjangan oleh Allah SWT.



**Cik Norfazilah binti Mohd Lidi**  
(Penolong Pegawai Tadbir Kanan)  
1 Mac 2022 (7 tahun di JMNPP)



**Puan Faridah binti Zainol**  
(Pembantu Khas)  
31 Mei 2022 (9 tahun di JMNPP)

**JASAMU DIKENANG & SELAMAT DATANG**

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai ini atas sumbangan dan khidmat terbaik yang diberikan ke Jabatan ini serta mengalu-alukan kedatangan mereka di Jabatan ini. Semoga dengan kehadiran mereka di Jabatan ini akan terus memperlengkap dan memperkasakan organisasi ini dalam menjayakan visi dan misinya.

**Puan Faridah binti Zainol** yang telah bersara pilihan pada 31 Mei 2022 dan tempat beliau kini diisi oleh **Puan Norhasfashera binti Azzhari** (Pembantu Khas)-N19).

**Cik Siti Aishah binti Sahud** yang kini bertugas di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) pada 1 Oktober 2022 dan tempat beliau kini diisi oleh **Encik Mohamad Hafiz bin Mohamad Hanafiah** (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)-N29).



**Cik Siti Aishah binti Sahud**



**Encik Mohamad Hafiz bin Mohamad Hanafiah**



**Puan Faridah binti Zainol**



**Puan Norhasfashera binti Azzhari**

**TAHNIAH**

Sekalung tahniah diucapkan kepada pegawai-pegawai yang telah menerima pingat di Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 & 2022 yang disampaikan oleh Tun Dato' Seri Utama Fuzi bin Haji Abdul Razak (Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang) bertempat di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada 10 Julai 2021 & 23 Julai 2022.



**Encik Muhammad Haniff bin Baderun**  
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)



**Puan salmi Aida binti Samsimir**  
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)



**Encik Irwan Aswandy bin Asahaari**  
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)

Tahniah diucapkan kepada penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021** bertempat di SETIA SPICE CONVENTION CENTRE, Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 7 Jun 2022 dengan bertemakan "Penjawat Awam Cemerlang Menerajui Visi Penang 2030."



**Encik Muhammad Haniff bin Baderun**  
(Pegawai Hal Ehwal Islam)



**Siti Nadiyah binti Mohamad Shukri**  
(Pembantu Hal Ehwal Islam)

**CAHAYA MATA**

Sekalung tahniah diucapkan kepada tiga orang pegawai ini atas kelahiran cahaya mata baru.

Nama Ayah:  
Ustaz Ahmad Yusoff Farid bin Abdullah  
Nama Anak:  
Ahmad Fawwaz bin Ahmad Yusof Farid  
Tarikh Lahir: 14 September 2021

Nama Ayah:  
Ustaz Ahmad Mamduh bin Mohd Zulkifli  
Nama Anak: Ahmad  
Fahim bin Ahmad Mamduh  
Tarikh Lahir: 15 Oktober 2022.

Nama Ibu:  
Farah Nur Aqilah binti Abdul Rahim  
Nama Anak:  
Muhammad Syafiq Izwan bin Abu Tahir  
Tarikh Lahir: 4 November 2022

Semoga Allah memberkati bagimu kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya.